



# ATURAN

## SIMPANAN KHAS PELABURAN

### (MODAL AR RAHNU KOMODAL)

## 2026

Ditubuhkan pada : 1970  
Sijil Pendaftaran No : 4562  
KOPERASI PERMODALAN GURU- GURU DAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN  
PENDIDIKAN MELAYU TERENGGANU (KOMODAL) BERHAD .  
447/8 Tingkat Satu , Wisma Armon  
Jalan Kamaruddin  
20400 Kuala Terengganu  
Terengganu Darul Iman .

E-mail : [komodalberhad@yahoo.com](mailto:komodalberhad@yahoo.com)  
☎ / Fax : 09-6222588

**ATURAN SIMPANAN KHAS PELABURAN  
(MODAL AR RAHNU KOGURU)  
KOPERASI PERMODALAN GURU- GURU DAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN  
PENDIDIKAN MELAYU TERENGGANU (KOMODAL) BERHAD**

**TAJUK:**

Aturan ini dinamakan Tabung Simpanan Khas Pelaburan (Modal Ar Rahnu KOMODAL) Koperasi Permodalan Guru- Guru Dan Kakitangan Perkhidmatan Pendidikan Melayu Terengganu (KOMODAL) Berhad . Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 59 koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi dan dikemukakan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

**TAFSIRAN:**

“Akta” ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“Jawatankuasa Simpanan Khas Pelaburan” ertinya badan pengelola yang dilantik oleh Lembaga di bawah Undang-undang kecil 43 Koperasi ini untuk mengurus dan mentadbir hal ehwal Tabung Simpanan Khas Pelaburan;

“Koperasi” atau “Koperasi ini” ertinya Koperasi Permodalan Guru- Guru Dan Kakitangan Perkhidmatan Pendidikan Melayu Terengganu (KOMODAL) Berhad .

“Warga KOMODAL” ertinya semua individu yang terlibat secara langsung dengan KOMODAL termasuk ALK, anggota, kakitangan serta pihak yang bersama-sama menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan KOMODAL ;

“Lembaga” ertinya badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal ehwal Koperasi ini diamanahkan sebagaimana yang ditakrifkan dibawah seksyen 2, dan dibentuk menurut perenggan 42 Akta, serta tertaluk kepada seksyen 44 dan 45;

“Modal” ertinya adalah wang yang digunakan dari Simpanan Khas Pelaburan Anggota dan lain-lain sumber untuk membiayai projek;

“Peraturan” ertinya peraturan-peraturan Koperasi yang dibuat dibawah Akta dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“Projek” ertinya aktiviti-aktiviti pelaburan yang dibenarkan oleh Undang-undang Kecil Seksyen 8 dan 9 Koperasi ini;

“Simpanan Khas Pelaburan (Modal Ar Rahnu KOMODAL)” atau “Simpanan Khas Pelaburan” ini ertinya wang yang didepositkan oleh anggota Koperasi dan Koperasi ini untuk maksud pelaburan yang dibenarkan di bawah Undang-undang Kecil Koperasi ini; dan

“Undang-undang Kecil” ertinya Undang-undang Kecil Koperasi Permodalan Guru- Guru Dan Kakitangan Perkhidmatan Pendidikan Melayu Terengganu (KOMODAL) Berhad .

## **1. TUJUAN**

Tujuan Simpanan Khas Pelaburan ini ialah bagi menjalankan aktiviti di bawah Undang-undang Kecil Seksyen 8 dan 9 (ii) Koperasi ini seperti berikut :

- 1.1. Mengadakan Simpanan Khas Pelaburan ini dengan cara mengumpul wang daripada Anggota-anggota bagi membiayai projek pelaburan (Modal Ar Rahn KOMODAL) sehingga RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Juta Sahaja);
- 1.2. Melabur bagi meningkatkan ekonomi Anggota-anggota melalui pelaburan;
- 1.3. Memberi peluang kepada anggota yang berminat terlibat secara langsung dalam aktiviti ini;
- 1.4. Membantu Koperasi bagi mendapatkan tambahan modal dalam melaksanakan projek; dan
- 1.5. Tempoh simpanan khas pelaburan ini sah sehingga 10 tahun sahaja dan tempoh ini boleh diperbaharui sekiranya diperlukan pada masa hadapan.

## **2. PESERTA SIMPANAN KHAS PELABURAN**

Penyertaan dalam Simpanan Khas Pelaburan ini terbuka kepada:

- 2.1. Warga KOMODAL ini; dan
- 2.2. Koperasi Permodalan Guru-Guru Dan Kakitangan Perkhidmatan Pendidikan Melayu Terengganu (KOMODAL) Berhad.

## **3. SUMBER KEWANGAN**

- 3.1. Sumber kewangan ini adalah daripada :
  - 3.1.1. Modal Koperasi Permodalan Guru-Guru Dan Kakitangan Perkhidmatan Pendidikan Melayu Terengganu (KOMODAL) Berhad;
  - 3.1.2. Simpanan Khas Pelaburan Warga KOMODAL;
  - 3.1.3. Keuntungan perniagaan ini; dan
  - 3.1.4. Pembiayaan luar.
- 3.2. Had maksimum modal Simpanan Khas Pelaburan Anggota ini adalah sehingga RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Juta Sahaja) dan dipersetujui oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi dan boleh dipinda dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi serta dikemukakan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

## **4. SYARAT PENYERTAAN**

- 4.1. Syarat-syarat penyertaan adalah seperti berikut
  - 4.1.1. Setiap peserta hendaklah melabur di dalam Simpanan Khas Pelaburan Anggota sekurang-kurangnya RM1,000.00 dengan kadar maksimum RM50,000.00; dan
  - 4.1.2. Penyertaan akan ditutup sekiranya modal Simpanan Khas Pelaburan Anggota yang dilabur mencapai RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Juta Sahaja)

- 4.2. Permohonan bagi menyertai Simpanan Khas Pelaburan Anggota hendaklah dibuat menggunakan borang permohonan yang ditetapkan; dan
- 4.3. Tempoh minima pelaburan ini adalah (12) Dua Belas Bulan.

## **5. KAEDAH KEGUNAAN**

Cara penggunaan Simpanan Khas Pelaburan Anggota adalah seperti berikut:

- 5.1. Usaha sendiri oleh Koperasi;
- 5.2. Suntikan Modal kepada Ar Rahnu milik Koperasi; dan
- 5.3. Ketua Unit/ Pengurus Ar Rahnu perlu membuat permohonan bertulis bagi menggunakan Simpanan Khas Pelaburan Anggota ini.

## **6. PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN**

- 6.1. Keuntungan bersih Simpanan Khas Pelaburan Anggota ini setelah ditolak perkara di fasal 3.1 aturan ini hendaklah dibahagikan mengikut modal pelaburan masing-masing dengan nisbah; dan
  - 6.1.1. Peserta minima 4.0% atas Simpanan Khas Pelaburan Anggota atau tertakluk kelulusan Lembaga dan keuntungan daripada Ar Rahnu.
- 6.2. Kaedah pembahagian keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan ini tidak tertakluk kepada kehendak Undang-undang Kecil 71 dan 72 Koperasi ini; dan
- 6.3. Peserta Simpanan Khas Pelaburan Anggota akan terikat dengan aturan ini.

## **7. PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN**

- 7.1. Lembaga Koperasi ini adalah berkuasa di bawah Undang-Undang Kecil 49 melantik jika perlu sebuah jawatankuasa ini sekurang-kurangnya 4 (empat) orang dan diberikan tanggungjawab mengurus dan mentadbir hal-ehwal Simpanan Khas Pelaburan Anggota;
- 7.2. Pengerusi jawatankuasa tabung hendaklah Pengerusi Koperasi ini. Lembaga Koperasi juga berkuasa melantik pengurus dan kakitangan bagi menjalankan pengurusan projek Simpanan Khas Pelaburan Anggota ini; dan
- 7.3. Jawatankuasa Simpanan Khas Pelaburan Anggota ini hendaklah bertanggungjawab kepada Lembaga.

## **8. PEMBANGUNAN PELABURAN SIMPANAN KHAS**

Merancang, menyelidik dan menyusun strategi bagi pembangunan Simpanan Khas Pelaburan Anggota ini.

### **8.1. PENGURUSAN PELABURAN**

- i. Mengurus dan mentadbir perjalanan pelaburan;
- ii. Mengawasi perlaksanaan pelaburan; dan
- iii. Mengadakan mesyuarat jawatankuasa Simpanan Khas Pelaburan Anggota dan menyediakan laporan untuk dikemukakan kepada Lembaga.

## 8.2. PENGURUSAN KEWANGAN

- i. Bertanggungjawab dalam semua hal-ehwal kewangan;
- ii. Menyediakan akaun untung rugi untuk dikemukakan kepada Lembaga; dan
- iii. Menyediakan cadangan keuntungan dan laporan tanggungan untuk dikemukakan kepada Lembaga.

## 8.3. PENGURUSAN KAKITANGAN

- i. Mendapatkan orang yang kompeten sebagai penyelia projek jika perlu; dan
- ii. Mengawasi kakitangan dari segi kecekapan, kebajikan dan saraan.

## 8.4. ELAUN

Seseorang Anggota Lembaga yang dilantik untuk menganggotai Jawatankuasa Simpanan Khas Pelaburan Anggota ini boleh menerima elaun tetapi tidak melebihi jumlah yang ditetapkan oleh Mesyuarat Lembaga.

## 8.5. PELAKSANAAN PROJEK

Koperasi seboleh-bolehnya menjalankan sendiri projek-projek yang dilaksanakan di bawah Simpanan Khas Pelaburan Anggota dan semua transaksi dan perjanjian yang berkaitan dengannya.

## 8.6. CITRA

Simpanan Khas Pelaburan Anggota hendaklah dibuat di atas nama Koperasi dan dimeteraikan mengikut Akta, Peraturan dan Undang-Undang Kecil Koperasi.

## 9. LIABILITI

Liabiliti kewangan projek dibawah Simpanan Khas Pelaburan Anggota adalah terhad kepada kewangan dan aset Simpanan Khas Pelaburan Anggota sahaja .

## 10. TAHUN KEWANGAN

- 10.1. Tahun Kewangan Simpanan Khas Pelaburan Anggota adalah sama dengan tahun kewangan Koperasi;
- 10.2. Akaun Simpanan Khas Pelaburan Anggota hendaklah dibuat berasingan dalam mana- mana bank yang ditentukan oleh Koperasi; dan
- 10.3. Kuasa menandatangani cek akaun Simpanan Khas Pelaburan Anggota ditentukan oleh Lembaga.

## 11. MENARIK DIRI DAN KEMATIAN

- 11.1. Peserta Simpanan Khas Pelaburan Anggota boleh menarik diri dengan cara menjual syer mereka kepada anggota Koperasi atau kepada Koperasi ini dengan harga yang dinilai oleh Koperasi; dan
- 11.2. Jika berlaku kematian sepertimana peruntukan Undang-undang Kecil 24 (1) (C) mereka juga disabit kepada Undang-Undang Kecil 19.

## 12. AUDIT

- 12.1. Akaun Simpanan Khas Pelaburan Anggota boleh diaudit oleh Juruaudit Luar dan Jawatankuasa Audit Dalaman dan hendaklah diaudit setiap tahun bersama-sama akaun induk Koperasi sepertimana kehendak Undang-undang kecil seksyen 74 (1);
- 12.2. Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah mempunyai kuasa yang dibawah Undang- undang kecil seksyen 58 Akta dan Undang-undang Kecil 54 Koperasi, untuk memeriksa Tabung ini; dan
- 12.3. Hendaklah dibentang kepada anggota koperasi dalam Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi sekali dalam tiap-tiap tahun sebagaimana kehendak seksyen 78 Akta.

## 13. KUASA LEMBAGA

Kuasa mutlak lembaga memutuskan keputusan.

## 14. PERTIKAIAN

Jika berbangkit sebarang pertikaian, perselisihan faham atas penafsiran dalam aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian ini hendaklah dirujuk kepada suruhanjaya mengikut Undang-undang Kecil Koperasi fasal 85 (1), (2) dan (3).

Aturan ini telah dibentangkan, dibincangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi pada 30 Mei, 2026 bertempat di Dewan Besar, Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu, Kuala Terengganu.

.....  
HJ YAAKUB BIN MOHD @  
ABDUL MUTALIB BIN MAT  
PENGERUSI

.....  
HAJI MUHAMAD ZAMRI  
BIN YUSOF  
SETIAUSAHA

.....  
HAJI AZMAN BIN ABDUL MAJID  
BENDAHARI

KOPERASI PERMODALAN GURU- GURU DAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN  
PENDIDIKAN MELAYU TERENGGANU (KOMODAL) BERHAD .  
447/8 Tingkat Satu , Wisma Armon  
Jalan Kamaruddin  
20400 Kuala Terengganu  
Terengganu Darul Iman .

Tarikh : 30 Mei, 2026

